



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 Jilid 2 (5)
Tarikh : 7 April 2026

Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2026 PEMURNIAN SYARAT DAN KAEDAH PEMBERIAN BAYARAN INSENTIF KHAS KEPADA PENSYARAH UNIVERSITI DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 5 Tahun 2026 mengenai pemurnian syarat dan kaedah pemberian Bayaran Insentif Khas (BIK) kepada Pensyarah Universiti dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2 Tahun 2026 bertarikh 6 Mac 2026 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Kebajikan, Pusat Pengurusan Bakat Jabatan Pendaftar:

Puan Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali
Pegawai Tadbir Kanan/ Eksekutif Kanan
Tel : 09-431 6363
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)

Pengarah Kanan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**



SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
11. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
12. **Ketua Pegawai Digital**
13. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
14. **Semua Pengarah Kanan/ Pengurus Besar**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Pengurus Kanan/ Ketua Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 5 TAHUN 2026

PEMURNIAN SYARAT DAN KAEDAH PEMBERIAN BAYARAN INSENTIF KHAS KEPADA PENSYARAH UNIVERSITI DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) berkenaan cadangan pemurnian syarat dan kaedah pemberian Bayaran Insentif Khas (BIK) kepada Pensyarah Universiti dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

LATAR BELAKANG

- 2.0 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2026 bertarikh 6 Mac 2026 telah memberikan kelulusan cadangan pemurnian syarat dan kaedah pemberian Bayaran Insentif Khas (BIK) kepada Pensyarah Universiti dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di UMPSA.
- 3.0 Penambahbaikan pemberian BIK ini adalah bagi memastikan tatakelola yang kemas, seragam, jelas serta mematuhi pekeling yang telah ditetapkan. Cadangan ini juga berpandukan syarat yang telah ditetapkan dalam pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) yang

diberikan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 serta kaedah pemberian yang telah ditetapkan di UMPSA melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) Bilangan 1 Tahun 2023 pada 17 Februari 2023.

PELAKSANAAN

4.0 Selari dengan kaedah semasa yang telah ditetapkan bagi pemberian BIPK, kaedah pemberian BIK turut ditambah baik dengan penetapan syarat-syarat berikut:

- i. Pegawai mestilah memiliki kelayakan akademik (Sarjana atau PhD) dalam bidang perubatan, pergigian, kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, seni bina, ukur bahan dan perakaunan; DAN
- ii. Mengajar subjek yang didaftarkan di bawah kluster perubatan, pergigian, kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, seni bina, ukur bahan dan perakaunan; ATAU
- iii. Melaksanakan penyelidikan di bawah *Field of Research* (FOR) perubatan, pergigian, kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, seni bina, ukur bahan dan perakaunan; ATAU
- iv. Mempunyai pelajar yang diselia di bawah FOR perubatan, pergigian, kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, seni bina, ukur bahan dan perakaunan.

5.0 Syarat umum pemberian elaun menetapkan bahawa pemberian elaun akan terhenti mulai hari pertama apabila pegawai berada dalam keadaan berikut:

- i. Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);

- ii. Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- iii. Menghadiri kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- iv. Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- v. Cuti selain daripada Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran;
- vi. Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.

6.0 Bagi tujuan semakan dan pemberian BIK selepas ini akan dibuat di awal semester penuh bagi memastikan hanya pegawai-pegawai yang layak sahaja menerima BIK ini. Semakan akan dibuat oleh Pusat Pengurusan Bakat dan akan diluluskan oleh Pendaftar berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Perkara ini juga terpakai bagi mereka yang akan diberikan semula setelah ditangguhkan pemberian BIK bagi apa juga perkara.

TARIKH KUAT KUASA

7.0 Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

MAKLUMAT PERTANYAAN

8.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini, mohon dikemukakan kepada:
Unit Perkhidmatan dan Kebajikan,
Pusat Pengurusan Bakat,
Jabatan Pendaftar
E-mel Rasmi : saraan.bsm@umpsa.edu.my

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 7 April 2026